

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2017

1223/1

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Ogos

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. ***Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan di halaman 12.*
3. ***Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan : **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4.** Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam helaian tmbahan yang disediakan.*
4. *Tulis **nombor kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada ruangan yang disediakan di halaman 12.*
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 12 daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A

[40 markah]

*Jawab semua soalan.***Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

- 1 Antara yang berikut, manakah contoh kufur nikmat
 - A Mengagumi kelebihan diri sendiri
 - B Melakukan pembaziran dengan rezeki Allah
 - C Menyatakan solat fardu merugikan masa.
 - D Mempercayai tangkal azimat membawa tuah kepada pemakainya

- 2 Pernyataan berikut adalah akibat terhadap mereka yang dituduh berzina **kecuali**.
 - A Menghadapi pelbagai penyakit fizikal
 - B Dipandang hina oleh masyarakat.
 - C Memusnahkan masa depan
 - D Menghadapi tekanan perasaan.

- 3 Contoh amalan khurafat ialah
 - A Menyembah bulan atau matahari.
 - B Menolak hukum yang terdapat dalam al-Quran.
 - C Membuang ancak bagi menghalau hantu.
 - D Meminta bantuan daripada syaitan atau makhluk halus.

4

Mereka tidak menghukum kecuali terdapat bukti yang sahih

Pernyataan di atas merujuk kepada prinsip


- A Ahli Sunnah Waljamaah
- B Syiah Batiniyyah
- C Syiah Imamiyyah
- D Ajaran Qadiani

5 Beriktikad bahawa pelaku dosa besar ialah kafir

Pernyataan di atas merupakan pegangan

- A Bahai
- B Khawarij
- C Syiah Imamiah
- D Syiah Zaidiah

6



Y merujuk kepada rukun

- A Gadaian.
- B Jual beli.
- C Syarikat.
- D Insurans

7 Perkara yang dilarang semasa walimatulurus ialah

- A Pertunjukan silat.
- B Upacara tepung tawar
- C Persembahan nasyid
- D Bermain kompang .

8 Mahar Musamma ialah mahar yang diberikan oleh suami kepada isteri mengikut persetujuan

- A Kedua-dua pihak.
- B Pihak keluarga isteri.
- C Pihak keluarga suami.
- D Pihak pejabat agama Islam.

9 Manakah antara berikut **bukan** syarat saie

- A Mencukupi tujuh kali
- B Berniat saie di Bukit Marwah.
- C Hendaklah dilakukan setelah Tawaf Rukun
- D Bermula dari Bukit Safa dan berakhir di Bukit Marwah

10

Berada di Padang Arafah walaupun sekejap dalam masa gelincir matahari 9 Zulhijjah hingga terbit fajar 10 Zulhijjah

Pernyataan di atas merujuk kepada ibadat

- A Saie .
- B Tawaf.
- C Wukuf.
- D Bermalam di Mina.

11 Pernyataan di bawah merujuk kepada akibat fasakh, **kecuali**

- A Suami isteri tidak boleh rujuk semula dalam tempoh idah
- B Mereka boleh berkahwin semula dengan akad yang baru
- C Anak-anak akan kehilangan kasih sayang kedua ibubapa
- D Suami wajib memberi nafkah kepada isteri dalam tempoh idah

- Berkeinginan untuk berkahwin
- Berkemampuan menunaikan nafkah zahir dan batin
- Tidak dikhuatiri melakukan kezaliman terhadap pasangannya

12 Hukum perkahwinan di atas ialah

- A Wajib.
- B Sunat.
- C Makruh.
- D Haram.

13 Antara yang berikut yang manakah bukan adab berjual beli?

- A Melindungi hak tanpa paksaan.
- B Menjauhi unsur-unsur yang haram.
- C Penjual dan pembeli bersikap jujur dan ihsan.
- D Penjual dan pembeli bersikap sabar dan tenang

14 Antara yang berikut yang manakah **paling tepat** tentang ciri *mau'izatul hasanah* dalam berdakwah

- A Kata-kata yang melunakkan hati
- B Menunjukkan teladan yang baik
- C Mengamalkan semangat kerjasama
- D Mengemukakan hujah yang kuat dan bernas

- 15 Pernyataan yang manakah tidak benar mengenai adab memberi hadiah atau sedekah?
- A Niat ikhlas.
 - B Tidak mengungkit pemberian
 - C Memberi di hadapan khalayak ramai
 - D Memberi barang yang paling disayangi
- 16 Apakah tindakan terbaik bagi seorang pemimpin untuk memelihara kesucian agama Islam?
- A Menegakkan hukuman dan peraturan Allah SWT.
 - B Menubuhkan pusat pendidikan Islam
 - C Menubuhkan badan pencegah maksiat
 - D Membina masjid
- 17
- Lahir di Kufah pada tahun 80Hijrah bersamaan 699 Masihi.
 - Bapanya seorang peniaga kain
- Pernyataan di atas merujuk kepada
- A Imam Malik
 - B Imam Syafie
 - C Imam Al-Ghazali
 - D Imam Abu Hanifah
- 18 Antara yang berikut yang manakah bukti yang menunjukkan Imam Malik rahimahullah sangat menghormati hadis Rasulullah SAW?
- A Memberi fatwa berdasarkan hadis
 - B Mengajar hadis di masjid Nabawi sahaja
 - C Mandi dan memakai bau-bauan sebelum mengajar hadis
 - D Menghadihkan al-Fatihah kepada perawi hadis yang telah meninggal dunia
- 19 Faktor-faktor berikut mempengaruhi perkembangan ilmu perubatan pada zaman kerajaan Abbasiyah **kecuali**
- A Penyelidikan dan penulisan
 - B Penggunaan peralatan yang canggih
 - C Perkembangan sains dan teknologi
 - D Pengaruh keilmuan daripada negara Eropah

- 20 Nama majalah yang diterbitkan oleh al-Syeikh Tahir Jalaludin di Malaysia ialah _____
- A Neraca
 - B Al-Iman
 - C Al-Munir
 - D Pengasuh

Soalan 21 hingga Soalan 23

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

21. Tidak percaya kepada Allah SWT serta mengingkari ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW ialah pengertian _____.
22. Mempercayai binatang seperti burung yang boleh membawa tuah atau sial termasuk dalam perbuatan _____.
23. Hukum membunuh diri ialah _____.
24. Direjam dengan batu sampai mati adalah hukuman bagi penzina _____.
25. Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah beriktikad bahawa iman seseorang boleh _____.
26. Menfitnah bermaksud membuat _____ kepada seseorang tanpa bukti.

Soalan 27 hingga soalan 28

Pilih jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan

Haji Ifrad


Haji Tamattuk

Haji Qiran

27. Mengerjakan umrah terlebih dahulu pada bulan haji diikuti dengan mengerjakan haji.
28. Mengerjakan amalan haji dan umrah secara berasingan sama ada melaksanakan umrah sebelum masuk bulan haji atau mengerjakan haji dahulu diikuti mengerjakan umrah.
29. Menghadapkan binatang sembelihan ke arah kiblat dengan membaringkan ke sebelah rusuk kiri merupakan perkara _____ ketika menyembelih.
30. Hukum memakan daging korban bagi orang yang bernazar ialah _____.
31. Tidak melebihi empat orang isteri dalam satu masa merujuk kepada syarat _____.


32 Menggunakan paip bomba untuk kegunaan peribadi merupakan contoh _____ kemudahan awam.

33 Mengucapkan takziah kepada keluarga jenazah tidak melebihi _____ hari merupakan adab menziarahi jenazah.




34 X dalam rajah di atas ialah _____.

35 Idea islah yang dibawa oleh Sheikh Muhammad Abduh banyak dipengaruhi oleh gurunya _____.



36. Khalifah tersebut ialah _____.

37. Ahmad segera berkahwin kerana kkuatir akan melakukan zina dengan pasangannya. Hukum perkahwinan tersebut ialah _____.



38. X dalam rajah di atas ialah _____.

Soalan 39 dan Soalan 40

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang telah disediakan.

Sunat	Wajib	Makruh
-------	-------	--------

- 39** Seorang suami _____ memberi mahar kepada isterinya setelah akad nikah yang berupa wang atau sesuatu yang bernilai.
- 40** Daging akikah dimasak manis dan dibuat jamuan adalah perkara _____ akikah.

Bahagian B

[60 markah]

*Jawab semua soalan.**Jawab Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada Soalan 3 atau Soalan 4.*

- 1 (a) Dadah adalah musuh utama agama dan negara.
- (i) Apakah maksud dadah ? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan buruk terhadap negara sekiranya penyalahgunaan dadah di kalangan masyarakat tidak dibanteras? [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan maksud Ahli Sunnah Waljamaah [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** nama lain bagi Ahli Sunnah Waljamaah [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** sebab umat Islam wajib berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah? [4 markah]
- (c) Iman seseorang muslim boleh bertambah dan berkurang.
- (i) Nyatakan **dua** amalan yang boleh meningkatkan iman. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kelebihan mencapai kemanisan iman kepada individu muslim? [4 markah]
- 2 (a) Binatang yang hendak dimakan mestilah disembelih terlebih dahulu.
- (i) Apakah maksud sembelihan? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah sembelihan. [4 markah]
- (b) Sembelihan Akikah dilakukan sebagai tanda kesyukuran kerana mendapat cahaya mata.
- Jelaskan **dua** syarat bagi binatang akikah [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab suami terhadap isteri. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah isteri menunaikan tanggungjawab dengan Sempurna [4 markah]
- (d) Adil adalah antara syarat berpoligami
- (i) Nyatakan maksud adil dalam berpoligami [2 markah]

Maksud surah an-nisa' ayat 3 "Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat....."

- (ii) Ayat di atas menjelaskan Islam mengharuskan lelaki berpoligami dengan syarat-syarat tertentu.
Berikan hujah anda mengapakah Islam memberi keharusan tersebut.

[4 markah]

3 (a) Kerajaan Khulafa' al-Rasyidin adalah kesinambungan daripada kerajaan Islam Madinah.

(i) Nyatakan **dua** ciri kepimpinan Khulafa' al-Rasyidin. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** akibat membelakangkan kepimpinan Khulafa' al-Rasyidin [4 markah]

(b) Sayyid Jamaludin al-Afghani merupakan pelopor kepada gerakan Islah.

(i) Nyatakan jawatan yang pernah disandang oleh beliau. [2 markah]

(ii) Senaraikan **dua** sifat peribadi beliau yang boleh anda contohi.

[2 markah]

(c) (i) Senaraikan **dua** adab bernegara [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** faedah yang akan diperolehi dengan menjaga adab bernegara [4 markah]

Keamanan dan ketenteraman yang wujud sekian lama di negara kita mestilah dipertahankan

- (iii) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah usaha yang boleh anda lakukan bagi memelihara keamanan tersebut. [4 markah]

4 (a) (i) Nyatakan **dua** daripada sumber kewangan kerajaan Abbasiyah [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** factor kegemilangan kerajaan Abbasiyah [4 markah]

- (b) Imam Abu Hanifah adalah pengasas Mazhab Hanafi.
- (i) Jelaskan ujian dilalui oleh beliau dalam mempertahankan pegangannya. [2 markah]
- (ii) Jelaskan sebab beliau digelar Abu Hanifah? [2 markah]
- (c) Kemudahan awam yang disediakan hendaklah dijaga dengan sebaik-baiknya.
- (i) Nyatakan **dua** adab menjaga kemudahan awam [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan kemudahan awam kepada masyarakat. [4 markah]

- Menconteng papan-papan tanda jalan raya
- Merosakkan telefon awam
- Membuang sampah merata-rata

- (iii) Pernyataan di atas merupakan contoh kerosakan kemudahan awam yang berlaku kerana perbuatan tidak bertanggungjawab sesetengah masyarakat. Pada pendapat anda, bagaimanakah perbuatan tersebut dapat diatasi daripada terus berleluasa [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NAMA : _____

TINGKATAN : _____

NO. KAD PENGENALAN

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

- 1 (A) (B) (C) (D) 21.....
- 2 (A) (B) (C) (D) 22.....
- 3 (A) (B) (C) (D) 23.....
- 4 (A) (B) (C) (D) 24.....
- 5 (A) (B) (C) (D) 25.....
- 6 (A) (B) (C) (D) 26.....
- 7 (A) (B) (C) (D) 27.....
- 8 (A) (B) (C) (D) 28.....
- 9 (A) (B) (C) (D) 29.....
- 10 (A) (B) (C) (D) 30.....
- 11 (A) (B) (C) (D) 31.....
- 12 (A) (B) (C) (D) 32.....
- 13 (A) (B) (C) (D) 33.....
- 14 (A) (B) (C) (D) 34.....
- 15 (A) (B) (C) (D) 35.....
- 16 (A) (B) (C) (D) 36.....
- 17 (A) (B) (C) (D) 37.....
- 18 (A) (B) (C) (D) 38.....
- 19 (A) (B) (C) (D) 39.....
- 20 (A) (B) (C) (D) 40.....

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 hingga 40	40	
B	1	20	
	2	20	
	3	20	
	4	20	
Jumlah		100	